



**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PUAN NOR AZZAH MOMIN MENGENAI
PENCAPAIAN DAN SUMBANGAN BELIAU KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

DISEDIAKAN OLEH
MOHAMAD ZARIF BIN AMAT AMIN
(2013583863)
MOHD HAKIM MUHAJMIN BIN JAMIL
(2013559551)

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT JOHOR
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN
IMR604 DOKUMENTASI LISAN

SEMESTER 5 (MAC 2015 – JULAI 2015)

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGHARGAAN	
1	ABSTRAK	1
2	SINGKATAN	2 – 3
3	PENGENALAN	4 – 6
4	TRANSKRIP WAWANCARA	7 – 61
5	LOG WAWANCARA	62 – 65
6	KRONOLOGI	66
7	BIODATA	67 – 69
8	SENARAI SOALAN	70 – 75
9	RALAT	76
10	SENARAI RUJUKAN	77
11	LAMPIRAN	78 – 82
12	INDEKS	83

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani

Assalamualaikum w.b.t. terlebih dahulu, kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana akhirnya kami dapat menyiapkan Projek Sejarah Lisan berkenaan dengan subjek IMR 604 ini dengan jayanya pada masa yang ditetapkan. Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak-pihak yang banyak membantu dan memberikan kerjasama semasa menyiapkan projek sejarah lisan ini.

Jutaan terima kasih tidak terhingga kepada pensyarah kami untuk subjek IMR 604 – Documenting Oral History (Sejarah Lisan), Encik Mohd Faizal Bin Ramsi yang banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar, pandangan dan kata-kata nasihat yang berguna kepada kami dalam menghasilkan projek sejarah lisan dengan sempurna. Segala nasihat dan cadangan yang diberikan amat membantu dalam menyiapkan projek sejarah lisan ini. Terima kasih yang tidak terhingga lagi sekali di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya.

Tidak dinafikan, banyak kekangan dan cabaran yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama Puan Nor Azzah Momin namun berkat kesabaran kami akhirnya kami berjaya atasi dengan jayanya. Sekalung penghargaan sekali lagi kepada Puan Nor Azzah Momin kerana memberikan kerjasama dan komitmen semasa menceritakan pengalaman beliau dalam bidang Fakulti Pengurusan. Disamping itu, terima kasih kerana banyak memberikan maklumat dan ilmu pengetahuan berkaitan dengan bidang Perpustakaan.

Akhir sekali, sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada ibu bapa, rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan kerjasama, nasihat dan cadangan sehingga kami berjaya menyiapkan projek sejarah lisan ini.

Sekian, terima kasih.

1. ABSTRAK

Transkrip Temubual Bersama Puan Nor Azzah Momin Mengenai Pencapaian dan Sumbangan Beliau kepada Fakulti Pengurusan Maklumat

Abstrak: Rakaman wawancara sejarah lisan bersama tokoh Alumni Fakulti Pengurusan Maklumat, iaitu Puan Nor Azzah Momin, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ini telah dijalankan di bilik mesyuarat dua Jabatan Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia pada 2 Jun 2015 pada jam 3 petang. Transkrip ini mengandungi maklumat latar belakang Puan Nor Azzah dan juga sejarah awal semasa beliau mula melibatkan diri dalam bidang pengurusan maklumat ini. Transkrip temubual ini lebih tertumpu kepada pencapaian dan sumbangan beliau dalam Fakulti Pengurusan Maklumat. Di dalam transkrip ini, beliau telah banyak menceritakan tentang pengalaman beliau dan segala perkara pahit manis sepanjang perjalanan beliau untuk mencapai cita-cita untuk berada di kedudukan yang sekarang. Beliau juga telah memberikan pendapat-pendapat beliau tentang sistem pengurusan maklumat yang amat berguna untuk rujukan generasi akan datang. Dalam transkrip ini juga terkandung harapan beliau ke atas setiap generasi muda agar sentiasa belajar dan membaca untuk menambah ilmu pengetahuan untuk menjadikan generasi akan datang sebagai generasi yang berilmu selain maju dalam setiap perkara yang dilakukan selain menyumbang kepada kemajuan negara dan juga tanah air tercinta.

Kata kunci: Fakulti Pengurusan Maklumat, perpustakawan, pustakawan, universiti, Universiti Sains Islam Malaysia.

IMR 604 : ORAL DOCUMENTATION

2. SINGKATAN

AJK – Ahli Jawatan Kuasa

ANDS – Australian National Data Service

CAUL – Council of Australian University Librarians

FPM – Fakulti Pengurusan Maklumat

IC – Identification Card

IKIM – Institut Kefahaman Islam Malaysia

JAIS – Jabatan Agama Islam Selangor

JAKIM – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

JKR – Jabatan Kerja Raya

KICT – Kulliyah Information and Communication Technolony

KL – Kuala Lumpur

KPIM – Kumpulan Perpustakaan Islam Malaysia

MH – Mohd. Hakim

MUET – Malaysian University English Test

MZ – Mohamad Zarif

PHD. – Ijazah Kedoktoran

PJ – Petaling Jaya

PNAM – Puan Nor Azzah Momin

PNM – Perpustakaan Negara Malaysia

PPM – Persatuan Pustakawan Malaysia